



MEMO

Daripada : Mohd Faizol Abd Rahman
Penolong Pengurus, PACS

Kepada : YBhg. Dato' Abdul Latif Haji Abu Seman
Ketua Pengarah, MPC

Melalui : Encik Rosmi Abdullah
Pengarah, PACS

Tarikh : 23 November 2020

**PERKARA : KELULUSAN URUSAN PEROLEHAN SELEPAS TARIKH
AKHIR PENGHANTARAN RO KE UNIT PEROLEHAN MPC**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara berkaitan.

2. Untuk makluman YBhg. Dato', pelantikan pembekal bagi melaksanakan Program 'Business Towards Industry 4.0' di bawah Program Pembangunan Kapasiti Vendor (PPKV) MEDAC adalah menerusi permohonan EGPA daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan telah mendapat kelulusan pada 16 Oktober 2020 yang lalu.

3. Mesyuarat Rundingan Harga (JRH) telah diadakan pada 23 Oktober 2020 dan proses penyediaan Surat Setuju Terima (SST) kepada pembekal baharu sahaja selesai dan SST ini telah dikeluarkan oleh Unit PCT pada 17 November 2020.

4. Sehubungan itu, urusan perolehan (RO) hanya boleh dilaksanakan setelah perkara-perkara tersebut di atas diselesaikan terlebih dahulu dan telah melangkaui tarikh akhir penghantaran RO kepada Unit Perolehan iaitu 15 Oktober 2020

5. Oleh itu, saya memohon pertimbangan dan kelulusan YBhg. Dato' untuk meluluskan penghantaran RO bagi melantik tiga (3) pembekal berikut bagi melaksanakan Program Pembangunan Sistem Industri 4.0.

Bil	Pembekal	Jumlah (RM)
1	Powernode Solution Sdn Bhd	21,534.00
2	Sustainable Industrial Revolution & Innovation Sdn Bhd	46,650.00
3	LPS Learning Platform	109,593.00


6. Pertimbangan dan kelulusan daripada YBhg. Dato' amat saya hargai dan diucapkan ribuan terima kasih. Program ini akan terus dilaksanakan oleh pembekal setelah menerima LPO daripada MPC. Status pelaksanaan program ini juga akan dilaporkan kepada MEDAC selaku pemegang taruh Program Pembangunan Kapasiti Vendor (PPKV).

Sekian, terima kasih.

"Berkhidmat Untuk Negara"
"Memacu Produktiviti Negara"

Saya yang menjalankan amanah,

Disediakan oleh:



.....
(MOHD FAIZOL ABD RAHMAN)


Penolong Pengurus

Khidmat Nasihat & Perundingan Produktiviti (PACS)

Perbadanan Produktiviti Malaysia

Tarikh: 22/11/2020

Disekong oleh:



.....
(ROSMI ABDULLAH)

Pengarah

Khidmat Nasihat & Perundingan Produktiviti (PACS)

Perbadanan Produktiviti Malaysia

Tarikh: 24/11/2020

Diluluskan/Tidak Diluluskan

.....
(DATO' ABDUL LATIF HAJI ABU SEMAN)

Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia

Tarikh: 24/11/20